

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KEMAHIRAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

Gred	Jadual Gaji Minimum - Maksimum		
Gred H17	: RM953.00	-	RM3,490.00
Gred H22	: RM2,184.00	-	RM4,265.00
Gred H26	: RM2,505.00	-	RM4,790.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- dan
- (Gaji permulaan ialah pada Gred H17 : RM1,318.42);
atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred H17 : RM1,318.42).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam, Pemandu Operasi,

Pemandu Kenderaan, Pemandu/Operator Jentera Pemungkah dan Penghantar Notis adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 tahun atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum pada Gred H17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA /
PEPERIKSAAN
PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
- 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN
KOMPETENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED H22**

11. Pembantu Kemahiran Gred H17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H22 yang kosong apabila telah :-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED H26**

12. Pembantu Kemahiran Gred H22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H26 yang kosong apabila telah :-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

(c) (i) memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(ii) Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(iii) Lulus Ujian Kemahiran dalam bidang dalam bidang ketukangan yang berkenaan yang dijalankan atau diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG JURUTERA
GRED JA29**

13. Pembantu Kemahiran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam

skim perkhidmatan berkenaan.